Publication: Berita Harian, p 09

Date: 21 November 2017

Headline: Volunteer gets satisfaction on effort in upgrading the lives of residents

Relawan raih kepuasan dalam usaha pertingkat kehidupan penduduk

SEMASA masih menuntut di Universiti Pengurusan Singapura (SMU), Cik Zizie Zuzantie Mohamed Said sudah menabur khidmat menjadi relawan Parti Tindakan Rakyat (PAP) di sesi bertemu penduduk (MPS) di Tampines West.

Pengalaman itu membuka matanya mengenai pelbagai macam cabaran yang dihadapi penduduk, daripada masalah sukar mendapat rumah hingga kepada masalah penyakit mental.

Kini, Cik Zizie, 27 tahun, menyumbang tenaga dalam khidmat lebih luas sebagai pengerusi Parti PAP Muda Tampines West dan Setiausaha Forum Dasar PAP.

Atas sumbangan beliau itu, Cik Zizie menerima anugerah Pingat Belia di Sidang dan Anugerah PAP kelmarin.

Beliau berkata bahawa minatnya pada khidmat sebagai relawan berputik apabila Menteri Sekitaran dan Sumbar Air, Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamed, yang juga Anggota Parlimen GRC Tampines, menggalaknya agar menjadi relawan.

"Semasa baru-baru jadi relawan, saya teringat pertemuan dengan seorang wanita yang lanjut usia yang sering datang ke MPS. Beliau ingin mengekalkan flatnya di bawah skim bujang bersama, tetapi penghuni yang mengongsi flat dengannya tidak lagi tinggal di situ. Pihak berkuasa pula tidak membenarkannya terus tinggal di flat itu jika beliau tidak mempunyai penghuni bersama.

"Pada masa sama, beliau juga mengadu ada orang yang sering mengetuk pintu dan melihat melalui tingkapnya. Kes itu dirujukkan kepada pegawai majlis bandaran yang memantau flat itu dan mendapati tiada sesiapa yang mengusiknya.

"Beliau juga ingin saya sahaja melayaninya di MPS. Kami kemudian mendapatkan kaunselor dan mendapati beliau menghidap penyakit mental. Disebabkan penyakitnya itu, kami dapat membuat rayuan agar beliau dapat terus tinggal di flat itu," jelas Cik Zizie.

Kes itu menunjukkan bahawa relawan MPS, pegawai khidmat sosial, pegawai majlis bandaran dan Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB) dapat bersama-sama membantu penduduk yang dalam kesusahan.

"Pengalaman itu mengesahkan keyakinan saya agar sentiasa menjaga satu sama lain dan menyokong kehidupan penduduk. Kes seperti ini menunjukkan bahawa kita boleh mengenakan kelonggaran terhadap dasar yang ada bagi membantu golongan memerlukan," kata Cik Zizie, yang bekerja dalam sektor perkhidmatan sosial.



USIA TIDAK JADI HALANGAN: Cik Zizie Zuzantie Mohamed Said, 27 tahun, sudah menabur khidmat sebagai relawan sejak menuntut di SMU. Kini, beliau, yang menerima anugerah Pingat Belia, ialah pengerusi Parti PAP Muda Tampines West dan Setiausaha Forum

Sebagai anggota Forum Dasar PAP juga, beliau sering berbincang dengan kumpulannya untuk memberi maklum balas kepada Jawatankuasa Parlimen mengenai dasar-dasar pemerintah yang telah dilaksanakan.

"Kami akan mengadakan dialog secara tetap dan melihat bagaimana dasar-dasar boleh diperbaiki," tambah Cik Zizie, yang belum berumah tangga.